

NUR Alert bantu selesai kes kanak-kanak hilang

Kos Mo 7/1/11 MS 16.

KUALA LUMPUR - Kes kehilangan kanak-kanak yang kerap berlaku mendorong Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewujudkan Sistem Amaran Awal Kanak-Kanak atau NUR Alert.

Menurut Menteri, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (**gambar**), sistem yang dibangunkan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia

(PDRM) itu berfungsi sebagai hebahan kepada kehilangan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah.

"Saya akan kemukakan memorandum mengenai NUR Alert pada mesyuarat Jemaah Menteri akan datang dan ia akan dilaksanakan serta-merta setelah mendapatkan persetujuan," kata Shahrizat.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi perbincangan bersama PDRM yang diketuai oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Hussin Ismail mengenai NUR

Info Statistik kanak-kanak hilang

Statistik kanak-kanak 12 tahun ke bawah yang hilang di Malaysia sepanjang tahun 2008 - November 2010

Tahun	Hilang	Jumpa Semula	Masih Hilang
2008	1,174	655	509
2009	1,048	497	551
Nov. 2010	711	347	364

Sumber: PDRM



Alert dan Sistem Saringan di kementerianannya di sini semalam.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah

Bukit Aman, Datuk Seri Bakri Zinin.

Hasil daripada pertemuan itu, kesemua mencapai satu persetujuan bahawa PDRM akan menerajui sistem NUR Alert sementara pihak kementerian sebagai timbalan pengerusi.

Menjelaskan dengan lanjut tentang bagaimana

NUR Alert, Hussin yang mewakili PDRM berkata, maklumat kehilangan kanak-kanak yang diterima akan disalurkan kepada petugas khas yang dilantik hingga ke peringkat orang awam serta semua agensi swasta dan kerajaan secara serta-merta.

"Bukan itu saja, ia juga melibatkan banyak kementerian seperti Kementerian Luar jika berlaku kejadian melibatkan sempadan.

"Kita juga perlukan bantuan Kementerian Pengangkutan untuk membuat hebahan di terminal-terminal, badan-badan korporat, TUDM (Tentera Udara Diraja Malaysia), media, *blog* dan erti kata lain sistem ini bersifat menyeluruh," jelasnya.